

**SOALAN NO: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH: 3 NOVEMBER 2016**

**SOALAN:**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan kepada syarikat yang menutup operasi sebelum tindakan proses perberhentian kerja dilaksanakan.**

**PR-1343-L76726**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Syarikat-syarikat yang ingin mengambil tindakan pemberhentian pekerja diwajibkan untuk mematuhi peruntukan undang-undang sebagaimana yang ditetapkan di bawah perenggan 5, Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Renti Kerja Sentara) 1980, Akta Kerja 1955 (Akta 265).

2. Majikan dikehendaki melapor cadangan tindakan pemberhentian melalui Borang Pemberhentian Pekerja (PK) dalam tempoh 30 hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan. Sekiranya tindakan pemberhentian tidak dapat dielakkan, majikan wajib memberikan tempoh notis yang mencukupi kepada pekerja mereka mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah Seksyen 12 (2) Akta 265. Selain itu, majikan turut diwajibkan membayar faedah penamatan kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980. Syarikat juga hendaklah mematuhi Seksyen 60N Akta Kerja 1955 iaitu menamatkan pekerja asing terlebih dahulu sebelum menamatkan pekerja tempatan mengikut kategori pekerjaan yang serupa dan pihak majikan juga hendaklah mengamalkan prinsip LIFO (*last-in-first-out*) terutama dalam kes pemberhentian pekerja tempatan.

3. Kementerian, melalui JTK juga sentiasa menjalankan pemantauan supaya majikan mematuhi peruntukan undang-undang. Tindakan pemantauan dijalankan bertujuan untuk:-

- i) memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang;
- ii) memastikan majikan mengikuti Garis Panduan Pemberhentian Pekerja yang dikeluarkan oleh JTKSM dalam melaksanakan pemberhentian pekerja; dan

- iii) membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdaftar dengan portal JobsMalaysia atau meningkatkan kemahiran baru melalui jabatan dan agensi di bawah kementerian. Bagi tujuan ini, pekerja-pekerja yang terjejas digalakkan untuk mendaftar sebagai pencari kerja di dalam portal *JobsMalaysia*, atau hadir di 51 pejabat-pejabat JTK di Semenanjung, 14 di Sabah dan 12 di Sarawak serta di 16 *JobsMalaysia Centre (JMC)*.
4. Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukan akta, apabila disabitkan,denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.